

Laporan Tahunan

**Projek Yang Mengintegrasikan Pemuliharaan Hutan Bakau dengan
Penggunaan Sumber Alam Secara Mampan di Sedili Kecil, Johor**

Untuk Program

***Penanaman Pokok Bakau Dan
Species – Species Yang Sesuai Di Persisiran Pantai Negara***



Januari – Disember
2010

Disediakan oleh:

Wetlands International – Malaysia
3A31, Block A, Kelana Centre Point,
Jalan SS7/19, Petaling Jaya,
Selangor

Tel: +603 7804 6770
Fax: +603 7804 6772

E-mail: malaysia@wetlands.org.my
Website: www.wetlands.org

Isi Kandungan

Isi Kandungan	1
1.0 Pendahuluan	3
2.0 Objektif Projek.....	4
3.0 Skop Projek Tahun 2010.....	5
4.0 Status Kemajuan Pelaksanaan Projek 2010	6
4.1 Aktiviti 1: Menghasilkan bahan pendidikan seperti pek-pek maklumat dan aktiviti tentang ekosistem hutan bakau untuk tujuan meningkatkan pengetahuan murid-murid dan bahan ini juga boleh digunakan dalam bengkel serta rujukan kepada guru-guru.	6
4.2 Aktiviti 2: Mengadakan kempen kesedaran di sekolah dengan mengadakan aktiviti seperti ceramah, pertandingan kuiz dan pertandingan mewarna.	6
4.3 Aktiviti 3: Mengadakan lawatan ke tapak semaian dan tapak penanaman untuk murid-murid. Mereka boleh mendapat pengalaman penanaman bakau melalui tunjuk ajar daripada masyarakat tempatan yang menjalankan program penanaman pokok bakau.	7
4.4 Aktiviti 4: Bengkel untuk menerangkan teknik-teknik penanaman terutama spesies-spesies pesisiran pantai dan bakau belum diterokai, terutamanya merujuk kepada buku panduan bertajuk: “Penanaman dan Pemuliharaan Hutan Bakau dan Pesisiran Pantai: Panduan Untuk Komuniti” yang telah diterbitkan oleh Wetlands International - Malaysia.	8
4.5 Aktiviti 5: Memuliharaan kolam-kolam ikan yang terbiar dengan menggunakan pengetahuan daripada bengkel bina keupayaan.	8
4.6 Aktiviti 6: Memperbaiki teknik-teknik pemuliharaan kolam ikan terbiar. Program pemuliharaan kolam ikan terbiar di Sedili Kechil telah dijalankan dua tahun dahulu, masyarakat tempatan telah bercadang untuk meningkatkan hasil melalui teknik-teknik yang lebih berkesan.....	9
4.7 Aktiviti 7: Mengenalpasti Kaedah Yang Paling Berkesan Untuk Memulihara Hutan Bakau Dengan Melibatkan Masyarakat Tempatan Supaya Model Ini Boleh Digunakan Untuk Kawasan Lain Di Malaysia.	10
4.8 Aktiviti 8: Latihan untuk pemantauan dan pengurusan kawasan yang dipulihara.	10

5.0 Masalah dan Isu	10
6.0 Penutup / Pengalaman Berkongsi Bersama	11
Perbelanjaan Kewangan Bagi Tahun 2010	Error! Bookmark not defined.

1.0 Pendahuluan

Wetlands International telah meneruskan projek pemuliharaan dan pelaksanaan penanaman pokok bakau dan species – species yang sesuai di persisiran pantai negara daripada tahun 2007 hingga ke tahun 2010.

Projek ini bertujuan untuk membina keupayaan masyarakat tempatan di Sedili Kechil dalam teknik – teknik penanaman pokok-pokok bakau dan species yang sesuai ditanam di pesisiran pantai. Projek ini juga bertujuan untuk meningkatkan hasil dan produktiviti aktiviti perikanan masyarakat tempatan dengan menggunakan teknik lestari serta memperkenalkan konsep "silvofishery". Pelaksanaan projek ini telah memberi peluang kepada Wetlands International untuk mempertingkatkan lagi usaha untuk melibatkan masyarakat tempatan dalam usaha pemuliharaan pokok bakau di persisiran pantai Sedili Kechil.

Inisiatif pemuliharaan kolam ikan terbiar dengan menanam pokok bakau di Sedili Kechil bermula dengan projek Global Environment Facility (GEF) Small Grants Programme (SGP) pada tahun 2007. Projek ini melibatkan penduduk tempatan dalam usaha untuk mempertingkatkan pendapatan dan ekonomi hidupan seharian melalui penglibatan dalam eko-pelancongan.

Pada tahun 2009, projek pemuliharaan dan penanaman pokok bakau diteruskan oleh penduduk-penduduk di kampung belukar durian, Sedili Kechil. Projek ini mencapai prestasi yang sangat memuaskan. Pertumbuhan pokok bakau telah mencapai ketinggian yang memuaskan dan masyarakat tempatan pula telah mahir dalam penanaman pokok bakau dan mengendali tapak semaian.

Tahun ini, pengetahuan yang diperolehi daripada tahun lepas dipraktikkan dengan usaha untuk membaikpulih kolam-kolam penternakan ikan yang terbiar. Masyarakat tempatan telah mengesyorkan minat yang mendalam dalam penanaman pokok bakau. Mereka telah memulakan pemuliharaan satu lagi kolam ikan yang terbiar dengan penanaman pokok bakau dengan inisiatif mereka.

Masyarakat juga telah menyedari bahawa usaha penanaman pokok bakau juga boleh dijadikan salah satu tarikan untuk eko-pelancongan. Pelancong-pelancong terutama pelajar yang mengunjungi Sedili Kechil turut melibatkan diri dalam aktiviti penanaman pokok bakau. Pensyarah daripada Universiti Teknologi Malaysia, Johor juga telah mencadangkan mengadakan kajian dan program pemantauan yang melibatkan pelajar-pelajar universiti di Sedili Kechil pada masa depan.

2.0 Objektif Projek

1. Membina keupayaan masyarakat tempatan dalam teknik-teknik penanaman semula spesies-spesies pantai dan hutan bakau.
2. Membina keupayaan masyarakat tempatan dalam teknik-teknik *silvofishery* melalui pengalaman daripada negara-negara jiran.
3. Membaiki teknik-teknik *silvofishery* yang telah diusahakan dan keadaan hidrologi untuk meningkatkan hasil.

3.0 Skop Projek Tahun 2010

Aktiviti 1: Menghasilkan bahan pendidikan seperti pek-pek maklumat dan aktiviti tentang ekosistem hutan bakau untuk tujuan meningkatkan pengetahuan murid-murid dan bahan ini juga boleh digunakan dalam bengkel serta rujukan kepada guru-guru.

Aktiviti 2: Mengadakan kempen kesedaran di sekolah dengan mengadakan aktiviti seperti ceramah, pertandingan kuiz dan pertandingan mewarna.

Aktiviti 3: Mengadakan lawatan ke tapak semaian dan tapak penanaman untuk murid-murid. Mereka boleh mendapat pengalaman penanaman bakau melalui tunjuk ajar daripada masyarakat tempatan yang menjalankan program penanaman pokok bakau.

Aktiviti 4: Bengkel untuk menerangkan teknik-teknik penanaman terutama spesies-spesies pesisiran pantai dan bakau belum diterokai, terutamanya merujuk kepada buku panduan bertajuk: "Penanaman dan Pemuliharaan Hutan Bakau dan Pesisiran Pantai: Panduan Untuk Komuniti" yang akan diterbitkan oleh Wetlands International - Malaysia.

Aktiviti 5: Memuliharaan kolam-kolam ikan yang terbiar dengan menggunakan pengetahuan daripada bengkel bina keupayaan.

Aktiviti 6: Memperbaiki teknik-teknik pemuliharaan kolam ikan terbiar. Program pemuliharaan kolam ikan terbiar di Sedili Kechil telah dijalankan dua tahun dahulu, masyarakat tempatan telah bercadang untuk meningkatkan hasil melalui teknik-teknik yang lebih berkesan.

Aktiviti 7: Mengenalpasti Kaedah Yang Paling Berkesan Untuk Memulihara Hutan Bakau Dengan Melibatkan Masyarakat Tempatan Supaya Model Ini Boleh Digunakan Untuk Kawasan Lain Di Malaysia.

Aktiviti 8: Latihan untuk pemantauan dan pengurusan kawasan yang dipulihara.

4.0 Status Kemajuan Pelaksanaan Projek 2010

4.1 Aktiviti 1: Menghasilkan bahan pendidikan seperti pek-pek maklumat dan aktiviti tentang ekosistem hutan bakau untuk tujuan meningkatkan pengetahuan murid-murid dan bahan ini juga boleh digunakan dalam bengkel serta rujukan kepada guru-guru.

Wetlands International telah mengembangkan maklumat tentang ekosistem hutan bakau yang telah kami kumpul dalam projek dahulu dan menghasilkan pek maklumat yang boleh digunakan oleh murid-murid sekolah untuk meningkatkan pengetahuan mereka. Bahan pendidikan ini termasuk aktiviti permainan yang mudah dan menyeronokkan supaya mereka dapat “bermain sambil belajar” tentang kepentingan ekosistem paya bakau yang terdapat di Kampung Sedili Kechil. Pasukan kami telah mencetak pek-pek maklumat tentang hutan bakau dan diberikan kepada Sekolah Rendah Sedili Kechil untuk kegunaan guru-guru dan murid-murid.

Pek informasi ini juga dapat mempengaruhi penduduk tempatan untuk mempertingkatkan pengetahuan mereka tentang hutan paya bakau melalui minat anak-anak mereka. Minat ini didorong melalui aktiviti menarik yang mereka pelajari semasa di sekolah mereka.

Sepertimana yang dilaporkan dalam laporan kemajuan yang dibentangkan pada bulan Julai 2010. Aktiviti ini telah dijalankan pada mulanya dan bahan pendidikan tersebut telah di bahagikan kepada murid – murid dan guru-guru sekolah di kawasan Sedili Kechil.

Pemantauan yang dibuat pada lawatan yang terkini mendapati bahawa bahan pendidikan ini masih digunakan oleh guru-guru sekolah untuk aktiviti ko-kurikulum dan juga sering digunakan oleh murid-murid sebagai bahan rujukan dalam kelas sains dan alam sekitar.

4.2 Aktiviti 2: Mengadakan kempen kesedaran di sekolah dengan mengadakan aktiviti seperti ceramah, pertandingan kuiz dan pertandingan mewarna.

Pihak Wetlands International telah menjalankan suatu aktiviti kempen kesedaran di Sekolah Rendah Sedili Kechil pada 25hb Jun 2010 dan melibatkan keseluruhan murid- murid sekolah tersebut. Aktiviti ini diadakan dengan bantuan pihak sekolah tersebut dan program yang dijalankan adalah seperti ceramah alam sekitar dan hutan paya bakau kepada semua murid, pertandingan mencari harta karun untuk murid-murid darjah empat hingga enam, dan pertandingan mewarna untuk murid-murid darjah satu hingga tiga.

Aktiviti ini dijalankan selama satu hari di dewan sekolah dan juga melibatkan guru-guru sekolah itu. Ceramah and bahan aktiviti disediakan oleh pihak Wetlands International dan aktiviti ini mendapatkan sokongan yang positif daripada pihak sekolah. Kami berharap bahawa dengan kemajuan projek dan

program ini, pihak sekolah Sedili Kechil dapat meningkatkan minat murid-murid sekolah mereka untuk pemeliharaan hutan paya bakau di Sedili Kechil.

Ia didapati dalam pemantauan yang terkini bahawa sekolah tersebut telah menjalankan suatu aktiviti kesedaran di sekolah dengan melibatkan sekolah – sekolah lain berhampiran untuk meningkatkan kesedaran murid-murid mereka terhadap kepentingan hutan paya bakau.

Aktiviti ini menunjuk bahawa masyarakat tempatan di Sedili Kechil telah menganjal langkah pro-aktif dalam usaha untuk memastikan perlindungan dan kesedaran hutan paya bakau di kawasan mereka.



4.3 Aktiviti 3: Mengadakan lawatan ke tapak semaian dan tapak penanaman untuk murid-murid. Mereka boleh mendapat pengalaman penanaman bakau melalui tunjuk ajar daripada masyarakat tempatan yang menjalankan program penanaman pokok bakau.

Cadangan lawatan ke tapak semaian dan tapak penanaman untuk murid-murid Sekolah Rendah Sedili Kechil telah dikemukakan kepada tuan pengetua dan penolong kanan sekolah Sedili Kechil. Malangnya, Tuan Pengetua sekolah tidak bersetuju dengan cadangan ini atas sebab keselamatan dan pengangkutan murid-murid. Dengan demikian aktiviti ini telah ditukar kepada aktiviti mencari harta karun hutan bakau yang dijalankan di halaman sekolah.



Program Kesedaran untuk murid-murid sekolah.

Walaupun bagaimanapun, aktiviti pemuliharaan hutan bakau di Sedili Kechil menarik perhatian pelajar-pelajar daripada universiti dan institusi pelajaran tinggi. Aktiviti ini merupakan salah satu program lawatan sambil belajar dan program perkemahan pelajar-pelajar ini.

Selain daripada mempelajari tentang ekosistem hutan paya bakau dan kepentingan hutan paya bakau, pelajar-pelajar juga diberi pengalaman yang dalam tentang pengurusan hutan paya bakau. Para peserta melalui pengalaman ini dapat memahami faktor-faktor penting dalam pengurusan hutan paya bakau.

Wetlands International telah mengambil langkah untuk menggalakan penduduk tempatan untuk menguruskan program lawatan untuk murid – murid sekolah dan pelajar institusi pelajaran tinggi. Usaha ini adalah untuk membina keupayaan penduduk tempatan untuk menjalankan usaha eko-pelancong di Sedili Kechil.



Lawatan sambil belajar di hutan bakau di Sedili Kechil oleh pelajar University Teknologi Malaysia.

4.4 Aktiviti 4: Bengkel untuk menerangkan teknik-teknik penanaman terutama spesies-spesies pesisiran pantai dan bakau belum diterokai, terutamanya merujuk kepada buku panduan bertajuk: “Penanaman dan Pemuliharaan Hutan Bakau dan Pesisiran Pantai: Panduan Untuk Komuniti” yang telah diterbitkan oleh Wetlands International - Malaysia.

Buku panduan bertajuk: “Penanaman dan Pemuliharaan Hutan Bakau dan Pesisiran Pantai: Panduan Untuk Komuniti” yang telah diterbitkan oleh Wetlands International - Malaysia telah digunakan sebagai bahan rujukan penting dalam bengkel-bengkel membina keupayaan masyarakat tempatan dalam teknik-teknik penanaman pelbagai spesies pokok pesisiran pantai dan bakau.

4.5 Aktiviti 5: Memuliharaan kolam-kolam ikan yang terbiar dengan menggunakan pengetahuan daripada bengkel bina keupayaan.

Kolam-kolam ikan yang terbiar telah dimajukan oleh beberapa penduduk yang telah berminat dalam usaha untuk mendapatkan hasil daripada kolam-kolam

tersebut. Dengan nasihat daripada Wetlands International, penduduk-penduduk ini telah mula memulihara kolam-kolam ini dengan mananam beberapa benih pokok bakau. Penduduk-penduduk ini juga telah memperbaiki hidrologi kolam-kolam itu dengan memasang paip yang bersambung dengan Sungai Sedili Kechil.

Walau bagaimanapun, terdapat berapa masalah teknikal lagi terutamanya pemendapan berlaku di dalam kolam. Masalah ini hanya boleh diatasi melalui pendalaman kolam, dan kerja-kerja ini memerlukan peruntukan dan juga mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS) Daerah. Selain itu, salah satu kolam mengalami masalah hidrologi air kerana peruntukan penduduk tempatan tidak mencukupi untuk membaikpulih sistem saliran yang dapat mengawal keluar masuk air yang lancar dan sempurna.

Sementara menunggu peruntukan dan kebenaran pihak JPS, masyarakat tempatan telah mengusahakan aktiviti eko-pelancongan yang melibatkan aktiviti penanaman pokok bakau.



4.6 Aktiviti 6: Memperbaiki teknik-teknik pemuliharaan kolam ikan terbiar. Program pemuliharaan kolam ikan terbiar di Sedili Kechil telah dijalankan dua tahun dahulu, masyarakat tempatan telah bercadang untuk meningkatkan hasil melalui teknik-teknik yang lebih berkesan.

Pemuliharaan kolam ikan yang terbiar ini telah berterusan daripada projek Sedili Kechil yang dijalankan oleh Wetlands International pada tahun 2008. Kaedah yang diperkenalkan untuk pemuliharaan kolam ikan yang terbiar amat berjaya, akan tetapi disebabkan kesuntukan peruntukan aktiviti seperti meningkatkan hasil ternakan dan kaedah silvofishery tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya.

4.7 Aktiviti 7: Mengenalpasti Kaedah Yang Paling Berkesan Untuk Memulihara Hutan Bakau Dengan Melibatkan Masyarakat Tempatan Supaya Model Ini Boleh Digunakan Untuk Kawasan Lain Di Malaysia.

Ia didapati dalam projek ini bahawa usaha eko-pelancongan yang diusahakan oleh penduduk-penduduk tempatan adalah modal yang paling berkesan untuk menarik minat dan perhatian masyarakat tempatan untuk memulihara dan melindungi hutan paya bakau di Sedili Kechil. Usaha eko-pelancongan ini dapat menambahkan pendapatan penduduk-penduduk tempatan dan menarik minat daripada pelancong luar untuk melawati hutan paya bakau yang terdapat di sedili kechil.

Wetlands International telah melaksanakan projek pembangunan usaha eko-pelancongan di sedili kechil pada tahun 2007. Bersamaan dengan projek pemuliharaan hutan bakau dan pesisiran pantai ini, kami telah membuktikan projek pemuliharaan hutan bakau akan berjaya dan berterusan dengan mengintegrasikan usaha pemuliharaan dengan hasil yang memanfaatkan masyarakat tempatan.

Kami akan membuat kesimpulan dan berkongsi pengalaman ini di bahagian Penutup dalam laporan ini.

4.8 Aktiviti 8: Latihan untuk pemantauan dan pengurusan kawasan yang dipulihara.

Pemantauan dan pengurusan dijalankan oleh masyarakat tempatan dan pengusaha eko-pelancongan yang memastikan bahawa keadaan kawasan yang dipulihara tidak diterokai dan tidak diusik oleh haiwan-haiwan seperti kera dan monyet. Pokok-pokok bakau yang telah ditanam pula selalu diperhatikan untuk memastikan kadar kehidupan yang tinggi dan langkah-langkah diambil untuk memastikan bahawa pokok-pokok tersebut hidup dalam keadaan persekitaran yang sesuai.

5.0 Masalah dan Isu

Masalah utama projek ini ialah peruntukan yang tidak menentu. Perancangan projek hanya boleh dijalankan mengikut perbelanjaan tahunan (jangka pendek), pada halnya usaha pemuliharaan adalah jangka panjang dan mengambil beberapa tahun untuk melihat kesannya. Masyarakat tempatan tidak diberi perjanjian untuk jangka panjang, maka mereka juga curiga tentang keberkesanan projek yang telah diperkenalkan kepada mereka dan sama ada ini dapat memanfaatkan mereka untuk jangka panjang.

Peruntukan untuk projek sebegini sepatutnya diberi peluang untuk perancangan sekurang-kurangnya lima tahun demi melihat kesannya dan mendapat komitmen daripada masyarakat tempatan.

6.0 Penutup / Pengalaman Berkongsi Bersama

Projek ini telah membuktikan bahawa keadaan kolam-kolam ikan yang terbiar boleh dipulihara dengan kaedah penanaman pokok bakau dan pembaikan keadaan hidrologi dan struktur kolam-kolam tersebut. Ini merupakan satu penemuan yang amat penting, di seluruh negara, terdapat beribu-ribu hektar kolam-kolam ikan yang terbiar, kaedah ini perlu diperkembangkan untuk memanfaatkan masyarakat tempatan. Kolam-kolam yang dipulihara boleh digunakan untuk masyarakat tempatan untuk mengusahakan ternakan dan menambah pendapatan mereka.

Dalam usaha meningkatkan penglibatan masyarakat tempatan dalam usaha pemuliharaan hutan bakau. Beberapa perkara penting perlu diambil perhatian. Di sini, kami ingin berkongsi pengalaman.

1. Meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat tempatan termasuk murid-murid sekolah melalui aktiviti seperti ceramah, bengkel, kongsi cerita tentang kejayaan masyarakat tempatan lain yang berjaya dalam usaha ini. Lawatan sambil belajar ke masyarakat tempatan lain juga memberi motivasi kepada mereka.
2. Melibatkan masyarakat tempatan dari permulaan projek. Berbincang dengan mereka dalam perancangan program, mendapat persetujuan dan sokongan daripada mereka sebelum permulaan projek. Melalui proses ini, masyarakat tempatan merasai pandangan mereka mendapat perhatian dan penghormatan. Mereka akan lebih bekerjasama dan memberi komitmen semasa menjalankan aktiviti pemuliharaan.
3. Perancangan aktiviti pemuliharaan hutan mesti mengambil kira manfaat yang akan dihasilkan kepada masyarakat tempatan bukan semata-mata untuk penanaman pokok. Masyarakat tempatan mesti merasai usaha mereka sama ada langsung atau tidak langsung memanfaatkan kehidupan harian mereka.
4. Mengintegrasikan pemuliharaan hutan bakau dengan penambahan hasil pendapatan masyarakat tempatan. Melalui projek ini, kami telah buktikan bahawa aktiviti penanaman semula pokok bakau telah berjaya memuliharkan kolam-kolam ikan terbiar dan menggalakkan aktiviti eko-pelancongan. Ini juga bermaksud masyarakat tempatan dapat memanfaatkan secara langsung dan tidak langsung daripada penglibatan mereka.